

Geosains sebagai matapelajaran pembantu dalam beberapa kursus di Universiti Teknologi Malaysia: Satu tinjauan ke atas penggunaan Bahasa Malaysia sehingga kini

ABDUL Aziz bin Hussin, Universiti Teknologi Malaysia

Matapelajaran-matapelajaran geologi serta ilmu-ilmu yang berkaitan yang di ajar di Universiti Teknologi Malaysia berfungsi sebagai matapelajaran-matapelajaran pembantu kepada kursus-kursus Kejuruteraan Petroleum, Kejuruteraan Awam dan Ukur Tanah. Kursus Kejuruteraan Petroleum mengandungi 4 matapelajaran geologi iaitu Geologi Dasar I & II, Geologi Petroleum dan Penilaian Formasi. Ini meliputi 8% dari jumlah bilangan matapelajaran-matapelajaran utama. Ilmu Geosains dalam kursus Kejuruteraan Awam terdiri dari Geologi Kejuruteraan, Kajidaya Tanah dan Kejuruteraan Tapak Binaan & Mekanik Batuan yang mewakili kira-kira 6% dari jumlah masa temu (contact hours) dalam kursus tersebut. Kursus Ukur Tanah mengandungi hanya satu matapelajaran geologi.

Setakat ini 75% dari matapelajaran Geosains dalam kursus Kejuruteraan Petroleum dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia, sementara dalam kursus Kejuruteraan Awam dan Ukur Tanah, bahasa tersebut digunakan sepenuhnya semenjak kursus-kursus itu dimulakan. Khusus untuk Geosains, usaha dalam peristilahan dan penterjemahan/penulisan adalah kecil dan dibuat bergandengan bahu dengan pakar-pakar dari universiti-universiti tempatan yang lain serta pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Usaha yang lebih giat dalam skop yang lebih luas telah dijalankan di peringkat fakulti. Sebanyak 14 buah tesis Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan geosains telah dikeluarkan setakat ini dan kira-kira 14% daripadanya ditulis dalam Bahasa Malaysia. Perkembangan dalam penggunaan Bahasa Malaysia dalam kursus-kursus profesional seperti yang terdapat di U.T.M. sangat bergantung kepada kemajuan yang dicapai dalam peristilahan. Masalah-masalah lain dikira kecil dan boleh diatasi.
